



**TATACARA PENGURUSAN  
REKOD ELEKTRONIK  
DALAM *DIGITAL  
DOCUMENT MANAGEMENT  
SYSTEM (DDMS)*  
DI PEJABAT AWAM**

**ARKIB NEGARA MALAYSIA**

**2020**

## PRAKATA

Tatacara Pengurusan Rekod Elektronik dalam *Digital Document Management System* (DDMS) di Pejabat Awam ini disediakan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan rekod yang digariskan dalam *MS 2223:2009 - Information and Documentation – Records Management Part 1 – General* dan *MS 2223:2009 - Information and Documentation – Records Management Part 2 – Guidelines*.

Tatacara ini merupakan tatacara yang telah dikemas kini daripada Tatacara Pengurusan Rekod Elektronik dalam Aplikasi *Digital Document Management System* (DDMS) di Pejabat Awam yang telah disediakan oleh ANM pada tahun 2013.

Tatacara ini dapat membantu Pejabat Awam dalam menangani peralihan dan perubahan pengurusan rekod dari persekitaran konvensional kepada persekitaran elektronik.

Di samping itu, tatacara ini juga dapat membantu Pejabat Awam membudayakan pengurusan rekod elektronik dalam kalangan kakitangan.

Adalah diharapkan agar tatacara yang disediakan ini dapat memberikan panduan kepada semua pengguna DDMS.

**Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia**

**26 November 2020**

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1. Pendahuluan	1
2. Punca Kuasa	1
3. Skop	2
4. Objektif	2
5. Ketetapan Am Pelaksanaan Pengurusan Rekod Dalam Persekutuan DDMS	2
5.1 Penubuhan Seksyen Pengurusan Rekod	2-3
5.2 Pelantikan Kader Pegawai Arkib	3
5.3 Pelantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ)	3
5.4 Pelantikan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ)	4
5.5 Registri	4
5.6 Bilik Rekod	4
5.7 Kategori Pengguna DDMS	4-5
5.8 Bidang Tugas Pengguna DDMS	5
5.8.1 Pengurus Rekod	5-6
5.8.2 Pentadbir Sistem	6
5.8.3 Pegawai Maklumat	6
5.8.4 Pengguna	6-7
5.9 Sistem Hibrid	7
5.10 Bantuan Teknikal ( <i>Helpdesk</i> ) DDMS	8
5.11 Latihan	8
5.12 Bidang Tugas Seksyen-Seksyen Berkaitan	8
5.12.1 Seksyen Pengurusan Rekod	8
5.12.2 Seksyen Teknologi Maklumat	8
5.13 Prasyarat Pelaksanaan DDMS	8-9
5.13.1 Pembangunan Klasifikasi Fail	9-10

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
5.13.2 Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod	10-11
<b>6. Pengurusan Rekod Elektronik Dalam DDMS</b>	<b>11</b>
6.1 Pewujudan Rekod	11-14
6.2 Pembukaan Fail Baharu	14
6.3 Penawanan Rekod	14
6.3.1 Penawanan Surat Masuk	14-15
6.3.2 Penawanan Surat Keluar	15-16
6.3.3 Penawanan Lampiran Kepada Surat	16-17
6.3.4 Penawanan Faksimili	17
6.3.5 Penawanan E-mel Rasmi	18-19
6.3.6 Penawanan Borang	19
6.3.7 Penawanan Rekod Kewangan	19-20
6.4 Catatan Arahan / Minit Tindakan	20
6.5 Pengedaran dan Penggunaan	20-22
6.6 Pengesahan dan Carian	22
6.7 Pembetulan Kesilapan Menawan Rekod	23
6.8 Kawalan Keselamatan dan Capaian	23-24
6.9 Penutupan dan Pembukaan Fail Jilid Baharu	24
6.10 Pelupusan Rekod	24-25
6.11 Pengemaskinian Profil Pengguna	25-26
<b>7. Penutup</b>	<b>26</b>
<b>8. Carta Aliran Kerja</b>	<b>27</b>
8.1 Penawanan Surat Masuk	28
8.2 Penawanan Surat Keluar [seperti 6.3.2 (i) (a)]	29
8.3 Penawanan Surat Keluar [seperti 6.3.2 (i) (b)]	30
8.4 Penawanan Faksimili	31
8.5 Penawanan E-Mel Rasmi Dari Luar Jabatan	32
8.6 Penawanan E-Mel Rasmi Yang Dihantar Keluar	33
8.7 Pengedaran ( <i>Routing</i> ) Melalui DDMS	34

**PERKARA****MUKA SURAT**

9.	Glosari Istilah	35-36
10.	Lampiran	
	Lampiran 1 : Jenis Rekod Dan Metadata Sektor Awam	37-55

## **1. PENDAHULUAN**

Projek *Digital Document Management System* (DDMS) merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi projek di bawah *Entry Points Projects* (EPP) 6 e-Government iaitu Pelaksanaan Kerajaan Tanpa Kertas (*Paperless Government*). Projek ini dilaksanakan secara berperingkat di seluruh sektor awam bermula tahun 2013. Ia diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dan capaian rekod serta ketelusan perkhidmatan kerajaan melalui penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Pelaksanaan DDMS di seluruh sektor awam ini dapat menyokong hasrat kerajaan ke arah pengurangan penggunaan kertas dalam urusan harian kerajaan di samping mewujudkan keseragaman pengurusan rekod elektronik di seluruh sektor awam.

DDMS ini dibangunkan bagi melaksanakan fungsi-fungsi pengurusan rekod berdasarkan MS ISO 16175-2:2012 *Information and documentation – Principles and functional requirements for records in electronic office environments - Part 2 : Guidelines and functional requirements for digital records management systems*. Sistem ini berupaya menguruskan rekod elektronik di sepanjang kitaran hayat rekod dari pewujudan sehingga pelupusan.

## **2. PUNCA KUASA**

Penyediaan tatacara ini adalah berdasarkan daripada punca kuasa berikut:

- (i) Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629];
- (ii) Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 9 November 2005;
- (iii) Surat Jabatan Perkhidmatan Awam [JPA.BPO(S)215/65/14(24)] bertarikh 31 Disember 2012; dan
- (iv) Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam, 2016.

### **3. SKOP**

Tatacara ini hendaklah diguna pakai oleh semua pengguna DDMS dan meliputi:

- 3.1 Rekod-rekod bertaraf **TERBUKA**; dan
- 3.2 Semua jenis rekod dalam pelbagai format dan media.

### **4. OBJEKTIF**

Pelaksanaan tatacara ini bertujuan untuk:

- 4.1 Memastikan semua penjawat awam mematuhi tatacara ini dalam pewujudan dan penawanan rekod yang lengkap;
- 4.2 Memastikan fungsi-fungsi pewujudan, penawanan, penyimpanan, pengedaran dan pelupusan rekod dilaksanakan secara sistematik dan terkawal mengikut prinsip-prinsip pengurusan rekod yang digariskan dalam *MS 2223:2009 - Information and Documentation – Records Management Part 1 – General* dan *MS 2223:2009 - Information and Documentation – Records Management Part 2 – Guidelines*; dan
- 4.3 Menyediakan tatacara umum kepada penjawat awam mengenai pengurusan rekod elektronik dalam DDMS.

### **5. KETETAPAN AM PELAKSANAAN PENGURUSAN REKOD DALAM PERSEKITARAN DDMS**

Pejabat Awam hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sebelum melaksanakan Pengurusan Rekod dalam persekitaran DDMS:

#### **5.1 Penubuhan Seksyen Pengurusan Rekod**

- (a) Seksyen Pengurusan Rekod hendaklah ditubuhkan berdasarkan surat Jabatan Perkhidmatan Awam [JPA.BDO(S)215/65/14(24)]

bertarikh 31 Disember 2012 dan Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam, 2016.

- (b) Seksyen ini hendaklah ditempatkan di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan dan bertanggungjawab menguruskan rekod elektronik dalam DDMS dan rekod konvensional.
- (c) Seksyen ini hendaklah mempunyai kakitangan dan peralatan yang mencukupi. Rujuk Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam, 2016 – Pengurusan Registri dan Bilik Rekod di Pejabat Awam.
- (d) Seksyen ini akan bertanggungjawab melaksanakan pemantauan, pelaksanaan dan penggunaan aplikasi pengurusan rekod elektronik di samping aktiviti-aktiviti pengurusan rekod yang lain.

### **5.2 Pelantikan Kader Pegawai Arkib**

Pejabat Awam hendaklah melantik seorang Kader Pegawai Arkib bagi mengetuai Seksyen Pengurusan Rekod yang bertanggungjawab melaksanakan program pengurusan rekod meliputi rekod elektronik dan konvensional. Ini adalah selaras dengan Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 9 November 2005 dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam [JPA.BDO(S)215/65/14(24)] bertarikh 31 Disember 2012.

### **5.3 Pelantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ)**

Pejabat Awam hendaklah melantik Pegawai Rekod Jabatan sekurang-kurangnya gred 29 atau setaraf dengannya dan memaklumkan pelantikannya kepada ANM. ANM akan mengeluarkan surat pengesahan pelantikan PRJ berserta dengan senarai tugas PRJ kepada Ketua Pejabat Awam di mana PRJ tersebut berkhidmat. Ini adalah selaras dengan Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam, 2016 – Pelantikan Pegawai Rekod Jabatan.

#### **5.4 Pelantikan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ)**

Pejabat Awam juga hendaklah melantik Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) sekurang-kurangnya gred 19 atau setaraf dengannya dan memaklumkan pelantikannya kepada ANM. ANM akan mengeluarkan surat pengesahan pelantikan PTRJ berserta dengan senarai tugas PTRJ kepada Ketua Pejabat Awam di mana PTRJ tersebut berkhidmat. Bilangan PTRJ yang dilantik di Pejabat Awam adalah mengikut kesesuaian dan kapasiti Pejabat Awam. PTRJ yang dilantik ini bertanggungjawab kepada Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) membantu melaksanakan program pengurusan rekod di Pejabat Awam.

#### **5.5 Registri**

Pejabat Awam hendaklah mengamalkan sistem registri berpusat apabila melaksanakan DDMS.

#### **5.6 Bilik Rekod**

Ketua Pejabat Awam hendaklah menyediakan Bilik Rekod jabatan dengan kelengkapan dan peralatan yang sesuai bagi penyimpanan rekod awam. Ini selaras dengan Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 9 November 2005 dan Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam, 2016.

#### **5.7 Kategori Pengguna DDMS**

Ketua Pejabat Awam hendaklah mengenal pasti dan menentukan kumpulan pengguna seperti berikut:

Pengurus Rekod : Kader Pegawai Arkib  
*(Records Manager)*

Pentadbir Sistem : Pegawai Teknologi Maklumat  
*(System Administrator)*

Pegawai Maklumat : Pembantu Tadbir  
(*Information Worker*) (Perkeranian/Operasi)/  
Pembantu Operasi

Pengguna (*End User*): : Ketua Pejabat Awam/  
Pengurusan Tertinggi Jabatan/  
Pegawai dan kakitangan Pejabat  
Awam yang menggunakan  
DDMS

## 5.8 Bidang Tugas Pengguna DDMS

### 5.8.1 Pengurus Rekod

- (i) Mengenal pasti dan menyenaraikan pengguna DDMS mengikut kategori;
- (ii) Mewujudkan fungsi, aktiviti, sub aktiviti dan fail baharu;
- (iii) Menguruskan proses muat naik klasifikasi fail ke dalam sistem DDMS;
- (iv) Membuka fail baharu;
- (v) Menutup fail;
- (vi) Memadamkan rekod;
- (vii) Mengemas kini metadata;
- (viii) Memindahkan rekod;
- (ix) Mewujudkan hubung kait antara fail/ rekod;
- (x) Menguruskan/ menetapkan kebenaran akses;
- (xi) Memantau dan membetulkan kesilapan memfail;
- (xii) Memantau penggunaan kod singkatan fail baharu Pejabat Awam (sekiranya berlaku);
- (xiii) Menguruskan pelupusan rekod dalam DDMS;
- (xiv) Memantau keakuran kepada penggunaan DDMS mengikut tatacara ini; dan

- (xv) Memastikan kandungan fail elektronik adalah selari dengan fail fizikal (sistem hibrid).

#### **5.8.2 Pentadbir Sistem**

- (i) Mewujudkan akaun DDMS untuk pengguna baharu;
- (ii) Membantu melaksanakan latihan pengguna baharu dan latihan ulangan kepada pengguna DDMS;
- (iii) Menyelesaikan isu/ masalah/ aduan yang dimajukan oleh pengguna DDMS di Pejabat Awam;
- (iv) Mengemas kini profil pengguna DDMS; dan
- (v) Menyahaktifkan status dan menyekat akses pengguna DDMS.

#### **5.8.3 Pegawai Maklumat**

- (i) Mengimbas dan menawan surat dan faks ke dalam DDMS mengikut klasifikasi fail yang betul;
- (ii) Mencatat minit dan mengedar kepada pegawai yang berkaitan;
- (iii) Membuat catatan pada minit bagi pengedaran lampiran tebal, terbitan, media lain, lampiran dalam bentuk *softcopy* dan Borang-Borang Bagi Pelupusan Rekod Awam (Borang Arkib 1/08 hingga Borang Kewangan Arkib 13/08);
- (iv) Memfailkan surat dan faks asal ke dalam fail fizikal; dan
- (v) Memfailkan cetakan e-mel masuk dan keluar yang dimajukan kepada Registri.

#### **5.8.4 Pengguna**

- (i) Mengenal pasti perkara rekod yang diwujud dan menyemak klasifikasi fail yang betul;
- (ii) Menawan rekod ke dalam DDMS mengikut klasifikasi fail yang betul;

- (iii) Mencetak rekod yang masuk atau keluar dan memajukan salinan cetakan ke Registri;
- (iv) Memajukan keperluan pembukaan fail baharu kepada Pengurus Rekod; dan
- (v) Memaklumkan segera kesilapan memfail melalui e-mel kepada Pengurus Rekod.

### **5.9 Sistem Hibrid**

Pejabat Awam hendaklah melaksanakan sistem pengurusan rekod secara hibrid di sepanjang kitaran hayat rekod sebagaimana yang digariskan seperti di bawah:

- (a) Mengamalkan kedua-dua sistem pengurusan rekod secara elektronik dan fizikal secara serentak;
- (b) Memastikan kedua-dua fail dalam DDMS dan fail fizikal menggunakan nombor klasifikasi fail yang sama;
- (c) Memastikan semua fail fizikal disimpan di registri dan tidak boleh diedarkan untuk tindakan. Semua tindakan seperti catatan minit hendaklah dilaksanakan dalam DDMS;
- (d) Memastikan kandungan rekod dalam fail fizikal mengikut susunan yang sama dengan kandungan rekod yang ditawan dalam DDMS; dan
- (e) Memastikan fail fizikal disimpan sebagai salinan sandaran (*backup*) untuk kesinambungan kerja sekiranya DDMS tidak dapat diakses kerana masalah teknikal.

## **5.10 Bantuan Teknikal (*Helpdesk*) DDMS**

Pengguna DDMS hendaklah menghubungi Seksyen Pengurusan Rekod dan Seksyen Teknologi Maklumat atau Pentadbir Sistem DDMS di Pejabat Awam untuk khidmat bantuan teknikal mengenai sistem tersebut.

## **5.11 Latihan**

Pengurus Rekod dan Pentadbir Sistem hendaklah melaksanakan program latihan penggunaan DDMS secara berjadual bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran penggunaan sistem tersebut.

## **5.12 Bidang Tugas Seksyen-Seksyen Berkaitan**

### **5.12.1 Seksyen Pengurusan Rekod**

Seksyen ini diketuai oleh Pengurus Rekod dan bertanggungjawab menguruskan rekod jabatan dari peringkat pewujudan, penggunaan, pemeliharaan dan pelupusan rekod. Seksyen ini juga bertanggungjawab ke atas pemantauan, pelaksanaan dan penggunaan DDMS di Pejabat Awam termasuk pelaksanaan pengurusan perubahan kepada program yang melibatkan pengurusan rekod dan DDMS.

### **5.12.2 Seksyen Teknologi Maklumat**

Seksyen ini bertanggungjawab sebagai pentadbir sistem bagi DDMS di Pejabat Awam yang memantau dan mengemas kini status dan akses pengguna, membantu Seksyen Pengurusan Rekod memberi latihan penggunaan DDMS serta memberikan khidmat bantuan teknikal kepada pengguna DDMS di Pejabat Awam.

## **5.13 Prasyarat Pelaksanaan DDMS**

Pejabat Awam hendaklah membangunkan Klasifikasi Fail (KF) dan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) yang merupakan prasyarat sebelum pelaksanaan

DDMS di Pejabat Awam. Pejabat Awam hendaklah mendapat **kelulusan dan perakuan** Ketua Pengarah ANM sebelum mengguna pakai Klasifikasi Fail (KF) dan Jadual Pelupusan Rekod (JPR).

### **5.13.1 Pembangunan Klasifikasi Fail**

- (a) Pejabat Awam hendaklah membangunkan klasifikasi fail berdasarkan fungsi dan aktiviti yang meliputi semua rekod Urusan Am dan Urusan Fungsian. Ini selaras dengan keperluan dalam MS 2223:2009 - *Information and Documentation – Records Management Part 1 – General*, Klaus 9.5 (*Classification*) dan Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam, 2016 - Pembangunan Klasifikasi Fail di Pejabat Awam.
- (b) Pejabat Awam hendaklah menggunakan kod klasifikasi fail seragam yang merangkumi singkatan nama Pejabat Awam (akronim) dan blok nombor (*block numeric*). Singkatan nama Bahagian, Seksyen atau Unit tidak boleh digunakan pada kod fail fizikal ataupun dalam DDMS.
- (c) Fungsi, aktiviti, sub aktiviti dan transaksi yang telah dikenal pasti hendaklah disusun mengikut hierarki.

**Fungsi** – merujuk kepada tanggungjawab utama/ khusus yang dilaksanakan.


**Aktiviti** – merujuk kepada kegiatan yang dilaksanakan dalam mencapai fungsi.

**Sub Aktiviti** – merujuk kepada kegiatan-kegiatan khusus yang dilaksanakan di bawah aktiviti.

**Transaksi** – fail-fail dengan tajuk khusus di bawah sub aktiviti dan mengandungi dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk fail tersebut.

**Contoh:**

**ARKIB.100–2/4/5**



**ARKIB** : Arkib Negara Malaysia

- Tanda noktah ( . ) hendaklah digunakan untuk mengasingkan singkatan nama jabatan (akronim) dan kod fungsi.
- Tanda sengkang ( — ) hendaklah digunakan untuk memisahkan fungsi dan aktiviti.
- Tanda serong ( / ) hendaklah digunakan untuk memisahkan aktiviti, sub aktiviti dan transaksi.

### 5.13.2 Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod

- (a) Pejabat Awam hendaklah menyediakan JPR Fungsian dan mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah ANM selaras dengan keperluan dalam Seksyen 27, Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) dan Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam,

2016 – Panduan Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian.

- (b) Pejabat Awam hendaklah menggunakan JPR berikut dalam aktiviti pelupusan rekod awam:
- (i) Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am (pelupusan rekod awam berkaitan urusan am);
  - (ii) Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan (pelupusan rekod awam berkaitan kewangan dan perakaunan); dan
  - (iii) Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian (pelupusan rekod awam berkaitan urusan fungsian di Pejabat Awam).

## 6. PENGURUSAN REKOD ELEKTRONIK DALAM DDMS

### 6.1 Pewujudan Rekod

6.1.1 Setiap pengguna DDMS di Pejabat Awam akan diberikan nama pengguna (*user name*) dan kata laluan (*password*) masing-masing.

**Contoh:**

*user name*: NRIC@Agency (999999887777@ARKIB)

*password*: disetkan sendiri oleh pengguna

6.1.2 Pengguna DDMS hendaklah mewujudkan rekod dengan menggunakan nama pengguna (*user name*) dan kata laluan (*password*) masing-masing.

6.1.3 Pewujudan rekod dalam DDMS hendaklah berdasarkan kepada 33 jenis rekod seperti berikut:

- (1) Agenda mesyuarat
- (2) Akta/ Ordinan
- (3) Audio
- (4) Borang
- (5) Carta
- (6) Dokumen Tender/ Sebutharga
- (7) Emel
- (8) Emel muatnaik
- (9) Faks
- (10) Foto
- (11) Garis Panduan/ Panduan
- (12) Jadual
- (13) Kertas Kerja/ Kertas Konsep
- (14) Laporan
- (15) Lukisan Teknikal
- (16) Maklumbalas Mesyuarat
- (17) Memo
- (18) Minit Bebas
- (19) Minit Ceraian
- (20) Minit Mesyuarat
- (21) Nota Mesyuarat/ Perbincangan
- (22) Pekeliling
- (23) Perjanjian/ Memorandum
- (24) Piawaian/ Standard
- (25) Poster
- (26) Prosiding
- (27) Siaran Akhbar
- (28) Sijil
- (29) Slaid Pembentangan
- (30) Surat Menyurat
- (31) Teks Ucapan

- (32) Terbitan
- (33) Video

- 6.1.4 Pejabat Awam hendaklah memohon dan mendapatkan kelulusan daripada ANM sekiranya terdapat keperluan untuk mewujudkan tambahan jenis rekod selain daripada 33 jenis rekod seperti di perkara 6.1.3.
- 6.1.5 Pejabat Awam hendaklah memohon dan mendapatkan kelulusan daripada ANM sekiranya terdapat keperluan untuk mewujudkan tambahan medan metadata selain daripada metadata bagi 33 jenis rekod yang sedia ada dalam DDMS.
- 6.1.6 Pengguna yang mewujudkan rekod hendaklah memastikan medan-medan metadata yang ditandakan (\*) diisi dengan lengkap.
- 6.1.7 Lampiran yang disertakan bersama satu-satu rekod juga perlu diisikan metadata mengikut jenis rekod lampiran tersebut.
- 6.1.8 Pengguna hendaklah memaklumkan kepada Pengurus Rekod sekiranya perlu membuka fail baharu yang tiada dalam klasifikasi fail yang disediakan. Sebelum membuka fail baharu, Pengurus Rekod hendaklah menyemak klasifikasi fail bagi memastikan tajuk fail baharu belum diwujudkan.
- 6.1.9 Pengurus Rekod sahaja dibenarkan mewujudkan hubung kait antara rekod. Hubung kait rekod adalah satu aktiviti yang mengaitkan satu fail dengan satu fail lain bagi memudahkan rujukan silang.

**Contoh:**

Fail Projek: ARKIB.400-6/6/16 – Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem *Malaysian Government Web Archive* (MyGWA) dihubung kaitkan dengan fail ARKIB. 100-15/2/15 – *Web Archiving*.

## **6.2 Pembukaan Fail Baharu**

Setiap pengguna DDMS hendaklah menyemak klasifikasi fail sedia ada sebelum menawan rekod ke dalam fail yang berkaitan. Sekiranya fail yang berkaitan belum ada, fail baharu hendaklah dibuka. Permohonan pembukaan fail baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengurus Rekod Jabatan. Rujuk Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam, 2016 – Bahagian II: Pendaftaran dan Penawanan Rekod (Perkara 4.5) bagi langkah-langkah pembukaan fail fizikal.

## **6.3 Penawanan Rekod**

Setiap pengguna DDMS hendaklah menawan rekod ke dalam DDMS dengan menggunakan nama pengguna (*user name*) dan kata laluan (*password*) masing-masing. Penguna tidak dibenarkan menawan rekod menggunakan akaun DDMS pengguna lain.

### **6.3.1 Penawanan Surat Masuk**

- (i) Semua surat yang diterima oleh Registri hendaklah diimbas dan ditawan ke dalam DDMS sebelum diedar kepada penerima untuk tindakan seterusnya.
- (ii) Sekiranya Bahagian/ Seksyen/ Unit di Pejabat Awam menerima surat rasmi melalui pos/ *despatch*/ kurier/ serahan tangan, surat tersebut hendaklah **dimajukan dengan kadar segera kepada Registri** untuk diimbas dan ditawan ke dalam

DDMS sebelum diedar kepada penerima untuk tindakan seterusnya.


- (iii) Semua surat fizikal yang diterima hendaklah dikandungkan ke dalam fail fizikal selepas ia diimbas dan ditawan dalam DDMS.

### 6.3.2 Penawanan Surat Keluar

- (i) Terdapat dua (2) kaedah penawanan bagi semua surat keluar yang diwujudkan. Pejabat Awam boleh memilih dan membuat ketetapan masing-masing mengikut kaedah berikut:
  - (a) Semua surat keluar yang telah dimuktamadkan berserta nombor lampiran ditawan ke dalam DDMS dalam format asal (*born-digital*) oleh pewujud surat tanpa perlu diimbas dan ditandatangan; atau
  - (b) Semua surat keluar yang lengkap dengan kepala surat rasmi Jabatan dan nombor lampiran ditandatangani dan diimbas sebelum ditawan ke dalam DDMS.
- (ii) Surat keluar yang disediakan dan ditawan ke dalam DDMS hendaklah **dicetak sebanyak dua (2) salinan dan lengkap ditandatangan asal (hidup)**.
- (iii) Satu (1) salinan dihantar kepada penerima (dengan kepala surat rasmi Jabatan) dan satu (1) salinan dihantar ke Registri untuk difailkan ke dalam fail fizikal.
- (iv) Nama penyedia dokumen hendaklah dimasukkan di hujung setiap dokumen dengan menggunakan saiz *font* 8 untuk memudahkan pengesahan pewujud surat atau pegawai yang

dipertanggungjawabkan menguruskan jawapan kepada surat tersebut.

**Contoh :**



### **6.3.3 Penawanan Lampiran Kepada Surat**

- (i) Pengguna hendaklah menawan semua lampiran kepada rekod yang diwujud atau dihantar atau diterima seperti laporan, minit mesyuarat, carta, foto dan sebagainya ke dalam DDMS.
- (ii) Lampiran fizikal hendaklah dihantar ke Seksyen Pengurusan Rekod dengan segera untuk difaiklan.
- (iii) Terbitan seperti buku, laporan tahunan, buletin, jurnal dan sebagainya tidak perlu diimbas. Surat iringan dan muka surat hadapan terbitan berkenaan yang mengandungi maklumat terperinci sahaja perlu diimbas dan ditawan ke dalam DDMS. Maklumat mengenai lokasi penyimpanan terbitan hendaklah dimasukkan dalam medan metadata DDMS oleh Pegawai Maklumat. Sila rujuk Perkara 7.8, Bahagian VII, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007: Panduan Pengurusan Pejabat.
- (iv) Lampiran atau bahan yang diterima dalam media lain seperti *compact disc* (CD), *video compact disc* (VCD) dan *digital*

*versatile disc* (DVD) hendaklah dipisahkan daripada surat asal. Kandungan dalam media tersebut hendaklah ditawan dalam DDMS. Nombor rujukan fail bagi surat irangan media elektronik tersebut hendaklah dicatatkan di sudut atas sebelah kanan sampul media elektronik tersebut sebelum ia disimpan di lokasi yang bersesuaian.

- (v) Lampiran kepada surat keluar yang mengandungi pelbagai format seperti *MS Word*, *Powerpoint*, *Excel* dan sebagainya hendaklah ditawan dan diletakkan di bawah *lower level (add attachment)*.

#### **6.3.4 Penawanan Faksimili**

- (i) Semua faksimili yang diterima hendaklah dihantar ke Registri untuk diimbas dan ditawan ke dalam DDMS. Faksimili tersebut kemudian hendaklah dimasukkan ke dalam fail fizikal.
- (ii) Surat asal yang diterima tidak perlu ditawan semula dalam DDMS. Surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam fail fizikal bagi menggantikan faksimili yang diterima. Walau bagaimanapun, sekiranya ada catatan/ minit atas faks tersebut, surat asal hendaklah dikepulkan bersama dengan faks tersebut dan dikandungkan dalam fail fizikal.
- (iii) Semua **surat kepada agensi kerajaan yang telah difaks hendaklah dicap** dengan “Surat telah difaks pada....” sebelum dihantar atau diposkan.

### **6.3.5 Penawanan E-mel Rasmi**

- (i) Semua e-mel rasmi yang diterima hendaklah ditawan dalam DDMS bersama dengan lampirannya mengikut klasifikasi yang betul.
- (ii) E-mel yang diterima oleh ramai penerima hendaklah ditawan oleh penerima pertama kecuali yang diterima oleh pengurusan atasan. E-mel yang diterima oleh pengurusan atasan hendaklah ditawan oleh Pembantu Khas ke dalam DDMS dan dikandungkan dalam fail fizikal mengikut klasifikasi yang betul.
- (iii) E-mel yang diterima sebagai salinan kepada (s.k.)/ *carbon copy (c.c)* tidak perlu ditawan.
- (iv) Bagi mengelakkan pertindihan penawanan kandungan e-mel yang sama dalam DDMS, pengguna hendaklah memadamkan kandungan e-mel terdahulu sebelum menyediakan jawapan e-mel yang baharu.
- (v) Semua jawapan e-mel hendaklah ditawan selepas dihantar supaya maklumat penghantaran dapat ditawan dalam DDMS.
- (vi) Semua e-mel bersama dengan lampirannya yang telah ditawan hendaklah dicetak oleh penerima dan dihantar ke Registri untuk dikandungkan ke dalam fail fizikal. E-mel yang ditawan hendaklah dicetak melalui DDMS dengan memilih menu “*Print metadata with content*”.

- (vii) Semua surat yang dihantar sebagai lampiran melalui e-mel hendaklah ditukar ke dalam format .pdf oleh pengirim bagi tujuan keselamatan.
- (viii) Pejabat Awam hendaklah memastikan semua pengguna menggunakan akaun e-mel rasmi Pejabat Awam supaya ia boleh ditawan dalam DDMS.
- (ix) Semua e-mel rasmi yang diterima/ dihantar boleh dipadamkan (*delete*) dari *inbox* selepas selesai ditawan ke dalam DDMS dan dikandungkan dalam fail fizikal. Ini dapat mengurangkan saiz storan e-mel dalam komputer masing-masing.

#### **6.3.6 Penawanan Borang**

- (i) Pejabat Awam boleh menentukan jenis borang yang perlu diimbas ke dalam DDMS mengikut keperluan masing-masing.
- (ii) Borang-borang yang seragam dari segi format dan ciri fizikalnya seperti borang cuti rehat, borang permohonan kursus, borang kepuasan pelanggan dan sebagainya tidak perlu ditawan ke dalam DDMS. Borang tersebut hendaklah didoketkan dan disimpan di Bahagian/ Seksyen/ Cawangan/ Unit masing-masing.

#### **6.3.7 Penawanan Rekod Kewangan**

- (i) Dokumen sokongan kepada rekod kewangan hendaklah diimbas dan ditawan ke dalam DDMS. Dokumen yang telah diimbas hendaklah dikandungkan ke dalam fail fizikal.

- (ii) Rekod kewangan seperti baucer, flimsi, *payroll*, waran, sebut harga, borang permintaan dan borang kelulusan tidak perlu diimbas dan ditawan dalam DDMS. Rekod kewangan tersebut hendaklah didoketkan. Nombor rujukan fail fizikal hendaklah dicatatkan di muka hadapan doket seperti fail fizikal.
- (iii) Maklumat mengenai lokasi penyimpanan rekod kewangan tersebut hendaklah dicatatkan dalam medan metadata yang telah ditetapkan dalam DDMS.

#### **6.4 Catatan Arahan/ Minit Tindakan**

- 6.4.1 Semua catatan arahan/ minit tindakan hendaklah dicatatkan dalam fungsi “Minit” yang terdapat dalam DDMS selepas rekod tersebut ditawan dalam DDMS. Catatan arahan/ minit tindakan pada surat adalah tidak dibenarkan.
- 6.4.2 Surat yang diedarkan sebagai salinan kepada (s.k) tidak perlu di ambil tindakan. Walau bagaimanapun, semua surat salinan kepada (s.k) yang diterima mestilah dipantau oleh penerima. Jika mana-mana pegawai ingin membuat apa-apa minit mengenai surat salinan kepada (s.k) tersebut, ia hendaklah dicatatkan dalam fungsi “Minit” yang terdapat dalam DDMS dan diedarkan (*route*) mengikut prosedur pengedaran di 6.5.

#### **6.5 Pengedaran dan Penggunaan**

- 6.5.1 Semua rekod yang diwujudkan/ diterima hendaklah ditawan dalam DDMS dan diedarkan kepada pengguna lain melalui fungsi “Minit” dalam DDMS. Penghantar hendaklah memilih “Yes” bagi “Attach Document” dalam fungsi “Minit” bagi membolehkan penerima yang terdiri daripada bukan pengguna DDMS atau pengguna DDMS

jabatan luar melihat dokumen tersebut. Surat yang dikandungkan dalam fail fizikal tidak boleh diedarkan untuk tindakan.

- 6.5.2 Surat yang dialamatkan atas nama Ketua Pejabat Awam hendaklah diedarkan terus kepada Ketua Pejabat Awam. Semasa ketiadaan Ketua Pejabat Awam, Registri hendaklah mengedarkan surat kepada Timbalan Ketua Pejabat Awam untuk makluman atau tindakan seterusnya.
